

Berita Harian, 15/12/2020, M/S 7

# Utama kepentingan, kebajikan rakyat



Ketika rakyat susah dan mengharapkan bantuan daripada kerajaan, tidak sepatutnya ada usaha dibuat untuk menggagalkan satu inisiatif yang memberi faedah kepada rakyat. Soal politik mesti diketepikan, fikirkan masalah rakyat.

**Alif Anas Md Noor,**  
Presiden Gabungan Pelajar  
Melayu Semenanjung (GPMS)

Ahli Parlimen perlu tolak sentimen politik, lulus RUU Perbekalan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Warga pekerja di negara ini pasti kecewa jika Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Belanjawan) 2021 peringkat bacaan kali ketiga tidak dapat diluluskan di Parlimen, hari ini.

Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata Ahli Parlimen sepatutnya meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan mereka, berbanding percaturan politik.

Katanya, bukan masanya untuk menguji keabsahan kerajaan menerusi RUU belanjawan negara kerana ia secara langsung meletakkan untung nasib rakyat.

"Kami warga pekerja pasti kecua jika RUU ini akhirnya ditolak dan perlu dibentang semula selepas melalui tempoh perba-

kanan, bukan masanya untuk menguji keabsahan kerajaan menerusi RUU belanjawan negara kerana ia secara langsung meletakkan untung nasib rakyat.

"Kami warga pekerja pasti kecua jika RUU ini akhirnya ditolak dan perlu dibentang semula selepas melalui tempoh perba-

## BELANJAWAN

# 2021



san yang panjang sebelum ini.

"Kita akui ada beberapa perkara yang menjadi perdebatan seperti pelaksanaan i-Sinar oleh KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), tetapi ia boleh dibincangkan tanpa perlu mengganggu kelulusan RUU berkenaan," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Mohd Effendy berkata, RUU Perbekalan 2021 yang menyediakan peruntukan RM322.5 bilion mencakupi kepentingan dan manfaat kepada bukan sahaja pekerja di sektor swasta, sebaliknya kumpulan petani, nelayan, penjawat awam serta penilaig kecil.

Semalam, Pakatan Harapan (PH) memutuskan untuk menolak

Belanjawan 2021 dalam pengundian kali ketiga di Dewan Rakyat hari ini dan menggesa semua Ahli Parlimen daripada pembangkang mahupun kerajaan turut sama berbuat demikian.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Alif Anas Md Noor, berkata tidak sepatutnya Ahli Parlimen mengambil pendirian menolak keseluruhan Belanjawan 2021, kerana ia berkait dengan kepentingan rakyat.

Katanya, mereka perlu menolak sentimen politik dan memikirkan nasib dan kebajikan rakyat yang ketika ini berdepan situasi sangat mencabar akibat penularan pandemik COVID-19 yang masih belum menunjukkan tanda reda.

"Ketika rakyat susah dan mengharapkan bantuan daripada kerajaan, tidak sepatutnya ada usaha dibuat untuk menggagalkan satu inisiatif yang memberi faedah kepada rakyat. Soal politik mesti diketepikan, fikirkan ma-




Bukan masanya untuk menguji keabsahan kerajaan menerusi RUU belanjawan negara kerana ia secara langsung meletakkan untung nasib rakyat. Kami warga pekerja pasti kecua jika RUU ini akhirnya ditolak dan perlu dibentang semula selepas melalui tempoh perbaikan yang panjang.

**Mohd Effendy Abdul Ghani,**  
Timbalan Presiden MTUC



Belanjawan kali ini menyeluruh dan saya harap Ahli Parlimen meluluskan supaya (pengagihan) dipercepatkan terutama kelulusan bantuan Prihatin Rakyat kerana golongan B40 dan M40 memang terkesan dan amat memerlukan bantuan segera.

**Mohammad Alif A Rahim,**  
Usahawan automotif



Walaupun hanya RM300 tetapi ia bagaikan talian hayat kepada golongan nelayan yang hanya bergantung hidup pada sumber laut. Sangat besar erti ny buat kami bagi menampung perbelanjaan hingga musim tengkujuh berakhir Mac tahun depan.

**Mohd Zaki Salleh,**  
Nelayan